

15 JAN 2003

Mahathir-SAR

K'JAAN KAJI TINGKAT SUKATAN PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH KEBANGSAAN

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang mengkaji sama ada terdapat keperluan untuk mempertingkatkan sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah kebangsaan di negara ini.

Beliau berkata kajian itu bagi melihat sama ada sukatan pelajaran agama yang ada di sekolah-sekolah kebangsaan kini memadai atau tidak.

"Kita sedang kaji sama ada sukatan pelajaran agama dalam sekolah kebangsaan memadai atau pun tidak," katanya pada persidangan media selepas majlis pemimpin bersama rakyat di sini, hari ini.

Kerajaan baru-baru ini memutuskan untuk menyerapkan 126,000 pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) ke sekolah kebangsaan berikutan kerajaan memutuskan untuk tidak lagi menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Dr Mahathir berkata pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan adalah untuk memberi asas-asas ilmu pengetahuan berkenaan agama Islam kepada pelajar Islam dan bukannya untuk menjadikan seseorang itu sebagai ulama.

"Kita nak bagi asas-asas ilmu pengetahuan berkenaan agama Islam supaya dia dapat meneruskan...jika dia berminat dia dapat meneruskan dalam bidang agama di peringkat universiti.

"Tapi kalau dia juga nak pergi dalam bidang lain pun kita bagi asas yang cukup," katanya.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar bahawa pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) diugut masuk neraka jika berpindah ke sekolah kebangsaan, Dr Mahathir berkata itu merupakan pembongkaran parti pembangkang kerana tidak ada orang yang dapat menentukan siapa yang masuk syurga atau masuk neraka.

"Saya nak tanya orang yang kata tu, dia pernah pergi syurga tak...dia pernah tengok ke orang masuk syurga. Inilah pembongkaran yang dahsyat...undi parti pun boleh dapat pergi syurga.

"Tak ada manusia boleh tentukan sama ada ke syurga atau neraka...bahkan orang yang begitu alim sekalipun tak boleh jamin bahawa dia akan ke syurga," katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan ibu bapa menghantar anak-anak ke SAR seolah-olah menganiayai kanak-kanak itu sedangkan anak orang PAS dan anak wakil rakyat dari parti itu sendiri dihantar ke sekolah kebangsaan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata tindakan kerajaan untuk tidak lagi menyalurkan bantuan kepada SAR bukan kerana mereka menentang kerajaan tetapi kerana sekolah-sekolah agama itu tidak mengajar ajaran Islam.

Beliau berkata adalah salah bagi kerajaan untuk bersubahat dengan sekolah-sekolah yang mengajar ajaran yang salah dengan ajaran Islam.

"Sekolah agama rakyat tidak ajar agama Islam tetapi ajar ajaran yang bertentangan dengan agama Islam...apa yang diajar ialah supaya murid-muridnya membenci dan tidak tahu berterima kasih kepada orang yang bagi bantuan sedangkan Islam tidak ajar umatnya membenci sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata kerajaan sanggup menerima pelajar-pelajar SAR untuk diberi didikan yang lebih sempurna dan selesa di sekolah-sekolah kebangsaan yang turut mempunyai guru-guru terlatih.

Beliau berkata kerajaan juga bersedia memberi peruntukan tambahan bagi meningkatkan kemudahan di sekolah-sekolah kebangsaan termasuk menambah kelas-kelas yang ada untuk menampung pelajar-pelajar itu.

"Apa guna lagi sekolah-sekolah pondok, sekolah agama rakyat yang tidak ada guru-guru terlatih dan tidak selesa...tak perlu ada sekolah agama rakyat," katanya.

-- BERNAMA

SN RHM

aab bns

Mahathir-SAR 3 (Akhir) Kota Baharu

K'JAAN KAJI TINGKAT SUKATAN PELAJARAN AGAMA - 3

Dr Mahathir berkata tindakan ibu bapa menghantar anak-anak ke SAR seolah-olah menganiayai kanak-kanak itu sedangkan anak orang PAS dan anak wakil rakyat dari parti itu sendiri dihantar ke sekolah kebangsaan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata tindakan kerajaan untuk tidak lagi menyalurkan bantuan kepada SAR bukan kerana mereka menentang kerajaan tetapi kerana sekolah-sekolah agama itu tidak mengajar ajaran Islam.

Beliau berkata adalah salah bagi kerajaan untuk bersubahat dengan sekolah-sekolah yang mengajar ajaran yang salah dengan ajaran Islam.

"Sekolah agama rakyat tidak ajar agama Islam tetapi ajar ajaran yang bertentangan dengan agama Islam...apa yang diajar ialah supaya murid-muridnya membenci dan tidak tahu berterima kasih kepada orang yang bagi bantuan sedangkan Islam tidak ajar umatnya membenci sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata kerajaan sanggup menerima pelajar-pelajar SAR untuk diberi didikan yang lebih sempurna dan selesa di sekolah-sekolah kebangsaan yang turut mempunyai guru-guru terlatih.

Beliau berkata kerajaan juga bersedia memberi peruntukan tambahan bagi meningkatkan kemudahan di sekolah-sekolah kebangsaan termasuk menambah kelas-kelas yang ada untuk menampung pelajar-pelajar itu.

"Apa guna lagi sekolah-sekolah pondok, sekolah agama rakyat yang tidak ada guru-guru terlatih dan tidak selesa...tak perlu ada sekolah agama rakyat," katanya.

-- BERNAMA

SN RHM